

Zakri masih berpeluang



■ ZAKRI...peserta harapan menang pingat

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

JUARA silat Kelas D kebangsaan, Zakri Ibrahim, masih berpeluang mewakili negara ke Sukan SEA, sekalipun terbabit dengan latihan rekrut polis di Jempol, Negeri Sembilan, sejak Februari lalu.

B. Harlan (M)
Pegawai Memerintah Pusat Latihan Polis Air Hitam (Pulapah) dikatakan sudah bersetuju memberi pelepasan kepada Zakri menjalani latihan pusat peringkat keenam, di Kuala Lumpur, Jun ini.

30 MAR 1989
Bagaimanapun, kebenaran itu hanya boleh diluluskan jika Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) membuat permohonan rasmi kepada pegawai memerintah berkenaan. "Saya gembira kerana pegawai atasan sudah bersetuju memberi pelepasan untuk menjalla-

ni latihan di Kuala Lumpur dan ia sekaligus membuka peluang saya bagi membantu negara memenangi pingat di sukan itu nanti," kata Zakri apabila dihubungi di Pulapah, semalam.

Sebelum ini, Zakri merasakan peluang untuk mewakili negara buat kali kedua di Sukan SEA agak tipis setelah dipilih menjalani latihan rekrut polis.

"Saya berjumpa sendiri pegawai berkenaan yang kemudian menyatakan pihaknya tidak keberatan memberi pelepasan dengan syarat Pesaka mengemukakan surat rasmi.

"Oleh itu, jika Pesaka memerlukan khidmat saya untuk Sukan SEA kali ini, ia perlu berurusan dengan pihak berkenaan secepat mungkin dan surat itu hendaklah dihantar terus kepada Pegawai Memerintah, Pulapah, 72120 Jempol, Negeri Sembilan," katanya.